BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Jun 2019

Inflasi keseluruhan meningkat pada bulan Jun



- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.5% pada bulan Jun (Mei: 0.2%) mencerminkan luputnya kesan kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sifar yang dilaksanakan pada bulan Jun 2018.
- Meskipun kesan pelaksanaan kadar GST sifar menyebabkan inflasi makanan keseluruhan lebih tinggi, inflasi keluaran makanan segar terus terkawal berikutan terdapatnya kawalan harga semasa musim perayaan.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] secara relatif stabil pada 1.5% (Mei: 1.6%).

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan eksport lebih tinggi pada bulan Mei 2019



- Eksport mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 2.5% (April: 1.1%) disebabkan terutamanya oleh eksport bukan E&E dan eksport pertanian yang lebih tinggi.
- Namun, pertumbuhan eksport pada masa akan datang dijangka terus sederhana disebabkan oleh kadar pertumbuhan dunia dan aktiviti perdagangan yang agak kecil.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

Pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi



- Pembiayaan bersih[2] meningkat 5.9% pada bulan Jun (Mei: 6.3%). Bon korporat terkumpul mencatatkan pertumbuhan lebih rendah pada 10.6% (Mei: 11.1%). Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat 4.9% (Mei: 5.1%) manakala pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul mampan pada 3.4% (Mei: 3.6%).
- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan masih lagi sekitar purata pinjaman bulanan yang lalu sebanyak RM93.0 bilion. Pengeluaran pinjaman[3] yang berterusan ini merangkumi segmen isi rumah dan perniagaan, termasuk PKS.

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)], dan bon korporat terkumpul.

[3] Jumlah pengeluaran pinjaman termasuk pinjaman kepada segmen 'Lain-Lain'.

Nota: Pada bulan Jun 2019, data mulai bulan April 2018 telah disemak semula untuk mengambil kira MBSB Bank Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran kewangan domestik bertambah baik pada bulan Jun

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Jun



- Pada bulan Jun, pasaran kewangan domestik mencatatkan aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Aliran masuk ini didorong terutamanya oleh kesanggupan pelabur untuk mengambil lebih risiko di rantau ini berikutan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah di Amerika Syarikat akan dikurangkan dan ketegangan perdagangan semakin reda.
- Susulan semua perkembangan tersebut, ringgit menambah nilai sebanyak 1.3% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan ini sejajar dengan mata wang serantau. FBM KLCI meningkat 1.3% dan kadar hasil MGS 10 tahun menyusut 15.5 mata asas.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah Kecukupan Modal



- Dengan penampan modal[4] lebihan sebanyak RM103 bilion pada bulan Jun 2019, institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang serius.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Jumlah modal lebihan merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal dan keperluan modal tambahan khusus buat bank yang lebih tinggi

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 07/19/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Rabu, 31 Julai 2019

SOROTAN BULANAN – JUN 2019

Inflasi keseluruhan meningkat pada bulan Jun

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.5% pada bulan Jun (Mei: 0.2%) mencerminkan luputnya kesan kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sifar yang dilaksanakan pada bulan Jun 2018.
- Meskipun kesan pelaksanaan kadar GST sifar menyebabkan inflasi makanan keseluruhan lebih tinggi, inflasi keluaran makanan segar terus terkawal berikutan terdapatnya kawalan harga semasa musim perayaan.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] secara relatif stabil pada 1.5% (Mei: 1.6%).

Pertumbuhan eksport lebih tinggi pada bulan Mei

- Eksport mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 2.5% (April: 1.1%) disebabkan terutamanya oleh eksport bukan E&E dan eksport pertanian yang lebih tinggi.
- Namun, pertumbuhan eksport pada masa akan datang dijangka terus sederhana disebabkan oleh kadar pertumbuhan dunia dan aktiviti perdagangan yang agak kecil.

Pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pembiayaan bersih[2] meningkat 5.9% pada bulan Jun (Mei: 6.3%). Bon korporat terkumpul mencatatkan pertumbuhan lebih rendah pada 10.6% (Mei: 11.1%). Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat 4.9% (Mei: 5.1%) manakala pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul mampan pada 3.4% (Mei: 3.6%).

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)], dan bon korporat terkumpul.

- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan masih lagi sekitar purata pinjaman bulanan yang lalu sebanyak RM93.0 bilion. Pengeluaran pinjaman[3] yang berterusan ini merangkumi segmen isi rumah dan perniagaan, termasuk PKS.

Prestasi pasaran kewangan domestik bertambah baik pada bulan Jun

- Pada bulan Jun, pasaran kewangan domestik mencatatkan aliran masuk semula portfolio bukan pemastautin. Aliran masuk ini didorong terutamanya oleh kesanggupan pelabur untuk mengambil lebih risiko di rantau ini berikutan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah di Amerika Syarikat akan dikurangkan dan ketegangan perdagangan semakin reda.
- Susulan semua perkembangan tersebut, ringgit menambah nilai sebanyak 1.3% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan ini sejajar dengan mata wang serantau. FBM KLCI meningkat 1.3% dan kadar hasil MGS 10 tahun menyusut 15.5 mata asas.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Dengan penampan modal[4] lebihan sebanyak RM103 bilion pada bulan Jun 2019, institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang serius.

Bank Negara Malaysia
31 Julai 2019

[3] Jumlah pengeluaran pinjaman termasuk pinjaman kepada segmen 'Lain-Lain'. Nota: Pada bulan Jun 2019, data mulai bulan April 2018 telah disemak semula untuk mengambil kira MBSB Bank Berhad.

[4] Jumlah modal lebihan merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal dan keperluan modal tambahan khusus buat bank yang lebih tinggi.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my